

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)

SOALAN

TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa permohonan pasangan dan anak kepada warganegara Malaysia untuk memasuki Malaysia ditolak sejak sempadan tutup, sementara kategori ekspatriat dan profesional daripada 23 negara yang dilarang mendapat kelulusan untuk memasuki Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Mohon izin supaya pertanyaan daripada YB Tanjong Malim ini dijawab bersekali dengan pertanyaan bernombor 12756 daripada YB Klang berkaitan permohonan kemasukan warganegara asing bagi kategori pasangan dan anak kepada warganegara Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan larangan kemasukan semua warganegara asing ke Malaysia mulai 18 Mac 2020 termasuklah mengenakan sekatan kepada 23 negara berisiko tinggi bertujuan untuk mengekang penularan wabak COVID-19. Larangan ini sentiasa dikaji serta diteliti bagi menyeimbangkan kepentingan kesihatan awam, keselamatan negara dengan pembangunan semula ekonomi.

Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah menubuhkan pasukan khas (*task force*) di bawah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk meneliti permohonan kemasukan warganegara asing serta memperkenalkan aplikasi dalam talian MyTravelPass (MTP) untuk memudah cara permohonan keluar masuk di pintu masuk negara.

Kerajaan dari semasa ke semasa membenarkan kemasukan warganegara asing ke dalam negara secara satu kes ke satu kes untuk beberapa kategori seperti berikut:

- (i) ekspatriat;
- (ii) diplomat asing dan tanggungannya;
- (iii) pembantu rumah asing;
- (iv) pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS);
- (v) pasangan kepada warganegara Malaysia / pasangan kepada

penduduk tetap / pasangan kepada Pas Residen / anak kepada warganegara Malaysia / anak kepada penduduk tetap;

(vi) penduduk tetap; dan

(vii) pemegang pas di bawah program *Malaysia My Second Home* (MM2H).

Berhubung pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkenaan kemasukan warganegara asing dari kategori ekspatriat, sesuatu permohonan kemasukan ekspatriat ke dalam negara boleh dipertimbangkan atas faktor kepentingan seperti bagi menjana semula ekonomi negara. Sejak Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, semua sektor ekonomi dibuka dan tidak terhad kepada 'essential services' dan industri petroleum sahaja.

Pertimbangan ke atas kelulusan permohonan masuk kategori anak dan pasangan kepada warganegara Malaysia pula turut merangkumi kriteria seperti berikut:

- (i) kesahihan status perkahwinan antara suami / isteri warganegara asing kepada warganegara Malaysia mengikut undang-undang negara. Perkahwinan tersebut juga mestilah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri dan Kedutaan Malaysia/Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Luar Negara; dan
- (ii) urusan kecemasan; atau
- (iii) urusan rasmi tertakluk kepada dokumen sokongan yang dikemukakan.